# Longkang tersumbat punca banjir kilat

**MELAKA** – Kerajaan negeri telah mengarahkan Jabatan Kerja Raya (JKR) supaya memperbetulkan longkang yang tersumbat berdekatan projek pembinaan jejambat Peringgit-Ayer Keroh bagi mengelakkan lapan buah kampung terus dilanda banjir kilat.


Projek jejambat punca banjir

KERATAN *Kosmo!* semalam.

Ketua Menteri, Datuk Seri Idris Haron berkata, JKR telah diarahkan mengambil langkah segera bagi mengelak kejadian yang telah berlarutan sejak setahun lalu itu berulang.

"Saya sahkan kejadian itu disebabkan oleh longkang yang tersumbat ekoran pembinaan jejambat tersebut.

"Saya telah menyemak rancangan kerja yang menyebut beberapa elemen berkaitan longkang tetapi tidak secara terperinci sama ada air itu boleh ditampung oleh longkang sedia ada atau sebaliknya," katanya ketika ditemui selepas merasmikan Hari Audit 1Malaysia dan Persidangan Juruaudit Sektor Awam Jabatan Audit Negara 2016 di Ayer Keroh di sini semalam.

Semalam *Kosmo!* melaporkan, lebih 450 penduduk di kawasan Peringgit, Bukit Piatu dan batu Berendam cemas apabila kediaman mereka dilanda banjir kilat selepas hujan lebat selama dua jam bermula pukul 5 pagi.